Beliau berkata, seksyen ini memperuntuk hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun jika sabit kesalahan.

SINAR HARIAN

Tarikh: **08 MAY 2024**

Wanita Sweden dipercayai penumpang e-hailing cedera

star
b/s
(DBKL)

KUALA LUMPUR - Dua mangsa yang dilaporkan cedera dalam kejadian pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, di sini, pada Selasa, dipercayai pemandu e-hailing dan penumpang warga Sweden.

Timbalan Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Superintendan Nazron Abd Yusof berkata, insiden kira-kira jam 2 petang itu melibatkan 17 kenderaan pelbagai jenis yang dihempap pokok terbabit.

Katanya, sebuah kenderaan yang dihempap melibatkan seorang mangsa lelaki tempatan berusia 47 tahun dan disahkan meninggal dunia.

"Mayat dibawa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk bedah siasat.

"Dua lagi mangsa telah dibawa ke HKL melibatkan seorang lelaki tempatan dan seorang wanita warga Sweden yang ber-

kemungkinan besar ialah pemandu dan penumpang e-hailing," katanya kepada pemberita di lokasi kejadian pada Selasa.

Beliau berkata, insiden ini berlaku ketika hujan lebat.

Menurutnya, tindakan telah diambil oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk tindakan pembersihan.

"Laluan akan ditutup sepenuhnya untuk tindakan pembersihan dan akan dibuka semula selepas selesai sepenuhnya," ujarnya.

Tambahnya, pihak polis juga menyarankan pemilik kenderaan dan mangsa yang cedera untuk tampil membuat laporan bagi tindakan lanjut.

Operasi di lokasi kejadian turut melibatkan kekuatan anggota Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.



Pokok tumbang turut menghempap landasan monorel di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

SINAR HARIAN
Tarikh: 08 MAY 2024

Rasuah: Negara rugi RM277 bilion

Jumlah direkodkan bagi tempoh lima tahun berdasarkan anggaran KDNK

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Malaysia merekodkan kerugian RM277 bilion bagi tempoh lima tahun berdasarkan anggaran kumulatif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akibat jenayah rasuah.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, angka yang besar itu sepatutnya boleh dimanfaatkan untuk membantu rakyat dalam pelbagai aspek terutamanya pelaksanaan projek sosial seperti baik pulih hospital dan sekolah.

"Kalau dibahagi lima, puratanya lebih kurang RM55 bilion setahun. Jadi jumlah ini yang kita semua perlu selamatkan."

"Jika kita dapat selamatkan wang-wang begini ia akan dapat membahagikan kita semua," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Peluncuran Strategi Pembenterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 di sini pada Selasa.

Majlis NACS 2024-2028 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu bagi menggantikan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang berakhir pada Disember 2023.

Ia menggariskan lima strategi melibatkan aspek pendidikan, kebertanggungjawaban awam, suara rakyat,

penguatkuasaan selain ganjaran dan insentif.

Ditanya mengenai sasaran NACS, beliau optimis ia boleh dicapai dengan menggariskan strategi berkaitan terutama dalam skop pengoperasian dan penguatkuasaan.

"Semua agensi, kementerian, jabatan kerajaan akan terlibat dalam sesi libat urus untuk melihat kepada pelbagai perkara tatakelola termasuk isu-isu reformasi undang-undang."

"Reformasi undang-undang ini perlu dilihat oleh semua jabatan kerana ia sebenarnya banyak melambatkan pembangunan negara berikutan banyak birokrasi," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri menyifatkan usaha SPRM memerangi gejala rasuah sebagai pertarungan yang dahsyat.

"Saya percaya keluarga SPRM tahu bagaimana kadangkala mereka terpaksa hadapi serangan, tohmahan dan juga isu keselamatan dalam pertarungan ini, ia pertarungan yang dahsyat," katanya.

Menurutnya, isu rasuah akan terus membengkak jika ia tidak dibendung dengan langkah-langkah sewajarnya.

"Sebab itu, saya hadir untuk berikan dokongan bagi pihak kedua Timbalan Perdana Menteri dan menteri yang lain menzahirkan pendirian, bukan sekadar melancarkan satu lagi strategi."

"Meskipun puluhan strategi dan pelan pembenterasan rasuah dilancarkan sejak negara mencapai kemerdekaan, budaya rasuah masih berleluasa."

"Azam sebut angka yang mengemparkan kerana ia mencecah puluhan bilion ringgit setahun. Bayangkan pembasmian kemiskinan, sekolah-sekolah, prasarana rakyat, nasib nelayan dan petani, pekebun kecil getah, sawah padi, hampir semua boleh dibereskan jika kita boleh selamatkan negara daripada kerakusan serta tamak haloba orang yang

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)



Dari kiri: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Anwar, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Azam menunjukkan buku Strategi Pembenterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 ketika Majlis Peluncuran NACS 2024-2028 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada Selasa.

menggunakan kuasa mereka sama ada pemimpin politik atau penjawat awam," katanya.

Menurut Anwar, kesungguhan dan tekad ikhlas diperlukan dalam usaha memerangi rasuah memandangkan ia merupakan satu dasar yang perlu bagi menyelamatkan negara dan rakyat.

"Jadi saya yakin, sebagai tunggak SPRM bersama badan penguatkuasaan, ambil ini sebagai tanggungjawab dan satu kekuatan baharu," katanya.

Beliau berkata, anak-anak harus dididik untuk membenci rasuah dan salah guna kuasa sejak di bangku sekolah.

"Di universiti dan kalangan rakyat, mesti ada program pendidikan meluas."

"Sekarang ini, orang rasuah disebabkan dia kaya, bagi habuan, kita mesti cium

tangan kerana tidak ada kesedaran."

"Kita solat, setiap tahun umrah, tetapi soal nilai hak dan batil, amal makruf dan mungkar tak dapat dibezakan. Sebab itu saya kata, peningkatan ilmu dan kefahaman sangat penting," katanya.

Dalam pada itu, menyentuh mengenai kebertanggungjawaban awam, Anwar berkata, ia bukan tanggungjawab SPRM mahupun jemaah menteri semata-mata sebaliknya kesedaran individu itu sendiri yang menjolak terhadap sebarang unsur rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Beliau turut menampelak sikap segelintir yang mempertahankan individu terbabit dalam rasuah dengan pelbagai alasan termasuk mengaitkan jasa dan sumbangan diberikan.

SINAR HARIAN

Tarikh:0..8..MAY..2024..

Negara rugi RM277 bilion akibat rasuah – Azam Baki

PUTRAJAYA – Negara kehilangan kira-kira RM277 bilion dalam tempoh lima tahun berdasarkan anggaran kumulatif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akibat jenayah rasuah.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, angka yang cukup besar itu sewajarnya boleh dimanfaatkan untuk membantu rakyat dalam pelbagai aspek terutamanya pelaksanaan projek sosial seperti baik pulih hospital

dan sekolah.

"Kalau dibahagi lima (angka kerugian itu) puratanya lebih kurang dalam RM55 bilion setahun.

"Jadi, jumlah ini yang kita semua perlu selamatkan. Angka daripada segi kos yang boleh di jimatkan dan bukannya pendapatan.

"Kalau kita dapat selamatkan wang-wang begini ia akan dapat membahagiakan kita semua," katanya ketika ditemui pembeda selepas Majlis Peluncuran

Strategi Pembenterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 di sini semalam.

NACS 2024-2028 dilancarkan bagi menggantikan Pelan Anti-rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang berakhir pada Disember 2023.

Azam berkata, NACS diyakini dapat mencapai sasaran terutama dalam membanteras rasuah dengan menggariskan strategi berkaitan terutama dalam skop pengoperasian dan penguatkuasaan.

Bellau berkata, semua semua agensi, kementerian, jabatan kerajaan akan dilibaturkan untuk melihat kepada pelbagai perkara tata kelola termasuk isu-isu reformasi undang-undang.

"Reformasi undang-undang ini law yang perlu dilihat oleh semua jabatan.

"Hal ini kerana, ia sebenarnya banyak melambatkan pembangunan negara kita kerana melibatkan banyak birokrasi dalam negara kita," katanya.

KBSM
8/5



AZAM

KOSMO

Tarikh: 08 MAY 2024

Perumahan awam negara perlu bertaraf dunia

PPR akan dijenamakan semula kepada PRR

KANGAR – Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam proses melakukan penjenamaan semula Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada Program Residensi Rakyat (PRR) termasuk menyampaikan perkhidmatan lebih baik kepada rakyat.

Menterinya, Nga Kor Ming berkata, penjenamaan semula itu termasuk meningkatkan pembinaannya setaraf Lembaga Pembangunan dan Perumahan di Singapura, Jepun dan Korea Selatan.

"Kita mahukan penjenamaan semula ini dilakukan agar perumahan awam negara kita bertaraf dunia dan perkara ini sedia ada dalam perancangan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang akhbar ketika diminta mengulas mengenai rancangan kerajaan untuk membina lebih banyak pangsapuri di Perlis memandangkan negeri itu mempunyai keluasan tanah terhad.

Jelasnya, pembinaan pangsapuri awam di Perlis adalah berdasarkan kepada keperluan dan sekiranya ada keperluan tersebut, pihaknya akan memasukkan perkara tersebut dalam *rolling plan* seterusnya.

Menurut Kor Ming, sehingga kini kerajaan telah membelanjakan jumlah yang agak besar bagi menaik taraf PPR di seluruh negara iaitu kira-kira RM12 bilion.

"Untuk pengetahuan semua, buat masa ini kerajaan telah membina 116,000 unit rumah PPR untuk rakyat.

"Bagi pemilikan PPR itu sendi-

ri, kerajaan telah beri subsidi besar iaitu satu unit rumah di pasaran bernilai RM300,000, namun mereka yang terpilih hanya bayar RM45,000 sahaja dengan subsidi sebuah unit diberikan kerajaan sebanyak RM265,000.

"Jadi saya menyarankan kepada mereka yang memiliki rumah PPR agar tidak menjual atau menyewakan kepada orang lain.

"Orang ramai menyuarakan isu rumah PPR tidak mencukupi, bagaimana akan cukup jika ada kes pemilik menyewakan kepada orang lain lalu individu sama memohon sekali lagi rumah PPR," jelasnya.

Tambahnya, di bawah peraturan baharu, pemilik rumah PPR tidak akan lagi dibenarkan untuk menjual rumah yang dimiliki dalam tempoh 10 tahun.

KOSMO

Tarikh: 08 MAY 2024



ANWAR (tengah) ketika merasmikan Majlis Peluncuran Strategi Pambanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 di Putrajaya semalam. - FAISOL MUSTAFA

PM minta pertingkat kesedaran dalam kalangan rakyat

Banteras rasuah satu pertarungan dahsyat

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - Usaha membanteras gejala rasuah yang menyebabkan kerugian ratusan bilion ringgit kepada negara disifatkan sebagai satu pertarungan dahsyat berkitan berdepan pelbagai tohmahan, serangan serta melibatkan isu keselamatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, budaya rasuah tidak boleh dipandang ringan dan memerlukan usaha keras selain undang-undang kukuh serta politik yang jelas untuk membanterasnya.

"Saya percaya keluarga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tahu bagaimana kadang-kadang mereka terpaksa hadapi serangan, tohmahan dan juga isu keselamatan dalam pertarungan ini, ia pertarungan yang dahsyat.

"Sebab itu, saya hadir untuk berikan dukungan bagi pihak

kedua-dua Timbalan Perdana Menteri dan menteri yang lain bagi menzahirkan pendirian bukan sekadar meluncurkan satu lagi strategi.

"Kalau lihat sejak merdeka, berapa puluh strategi ada, berapa puluh rancangan pambanteras, berapa pelan ada, walhal hasil rasuah masih membengkak dan merebak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Strategi Pambanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Malaysia memerlukan kesungguhan dan tekad ikhlas bagi memerangi rasuah memandangkan ia merupakan satu dasar yang perlu bagi menyelamatkan negara dan rakyat.

"Jadi, saya yakin sebagai tunggak SPRM bersama badan penguatkuasaan, ambil ini sebagai tanggungjawab dan satu kekua-

tan baharu," katanya.

Dalam pada itu, menjelaskan mengenai NACS 2024-2028, Anwar berkata, sebanyak lima strategi digariskan kerajaan melibatkan aspek pendidikan, keber-tanggungjawaban awam, suara rakyat, penguatkuasaan selain ganjaran dan insentif.

"Bagi aspek pendidikan, anak-anak sekolah mesti dilatih untuk membenci rasuah dan salah guna kuasa. Di universiti dan kalangan rakyat, mesti ada program pendidikan meluas supaya ada sikap (tolak rasuah).

"Sekarang, orang rasuah kerana dia kaya, dia bagi habuan. Kita mesti cium tangan kerana tiada kesedaran. Kita solat, setiap tahun pergi umrah, tetapi soal nilai antara hak dan batil, amal makruf dan mungkar tidak dapat dibezakan.

"Sebab itu, saya kata, peningkatan ilmu dan kefahaman ialah sangat penting," jelasnya.

KOSMO

Tarikh: 08 MAY 2024

Jangan perlekeh cadangan pelarasan gaji penjawat awam

PUTRAJAYA – Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan pihak pembangkang supaya tidak memperlekehkan usaha kerajaan menaikkan gaji penjawat awam terutama sebagai modal kempen pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu ketika ini.

Perdana Menteri berkata, pihak pembangkang perlu diberikan pemahaman betul mengenai pelarasan gaji itu bagi mengelak kekeliruan dalam kalangan penjawat awam.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, pembangkang perlu faham bahawa hampir setiap keluarga di Kuala Kubu Bharu ada penjawat awam.

"Jadi kalau dia nak tahu, biar Amir (Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan) dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican bagi kulliah kepada beberapa pemimpin pembangkang tentang ekonomi dan bagaimana kita uruskan.

"Kalau tidak nanti dia bingung, bila dia bingung, dia cerca di khalayak dan orang-orang keliru pada hal kena ingat wa-

laupun dia cerca kita di Kuala Kubu Bharu, hampir setiap keluarga ada penjawat awam yang bertugas.

"Kalau tidak anak dia, adik dia, anak saudara dia, menantu dia ada penjawat awam. Jadi jangan perlekehkan usaha kita kerana saya tahu sukar dan saya merenung berbulan-bulan, mesyuarat berpuluh kali," katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini semalam.

Katanya, ketika kempen PRK itu, ada pihak membandingkan kerajaan dengan kerajaan sebelum ini sedangkan masa mereka memerintah mereka potong elaun dan menyuruh rakyat mengikat perut.

Terdahulu, Anwar memberi jaminan kenaikan gaji penjawat awam seperti diumumkan pada 1 Mei lalu akan diluluskan di Parlimen dengan bergaya pada pembentangan Belanjawan 2025 Oktober depan.

Katanya, semua parti komponen dalam Kerajaan Madani akan memberi sokongan penuh terhadap kenaikan itu agar dapat dilaksanakan pada 1 Disember depan.



ANWAR berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di Putrajaya semalam.

KOSMO

08 MAY 2024

Tarikh:

Kuala Lumpur: Standard Chartered Global Research akan memantau sebarang perubahan terhadap prospek inflasi oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menilai kemungkinan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada akhir 2024.

Ia menjangka bank pusat akan mengekalkan OPR tidak berubah pada tiga peratus dalam mesyuarat dasar monetari yang akan datang pada 9 Mei ini.

BNM dijangka kekalkan OPR pada paras 3 peratus



Inflasi kekal rendah sehingga Mac, walaupun peningkatan dua mata peratusan untuk cukai perkhidmatan

Sumber

Menurut firma penyelidikan berkenaan, pihaknya akan memantau sebarang perubahan terhadap prospek inflasi oleh bank pusat untuk menilai kemungkinan kenaikan pada akhir 2024.

"Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku pertama berdaya tahan pada 3.9 peratus tahun ke tahun tetapi

lebih rendah daripada yang kami jangkakan pada akhir 2023.

"Inflasi kekal rendah sehingga Mac, walaupun peningkatan dua mata peratusan untuk cukai perkhidmatan, menunjukkan kenaikan yang terhad, ini mencerminkan inflasi teras yang rendah," katanya dalam satu nota penyelidikan semalam.

Bagaimanapun, firma penyelidikan itu berkata perkembangan terkini mungkin telah meningkatkan kemungkinan kenaikan (OPR) pada akhir 2024.

"Pertama, penstrukturan semula akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang boleh membawa kepada anggaran pengeluaran RM25 bilion (ki-

ra-kira 1.3 peratus daripada KDNK), dijangka akan meningkatkan inflasi yang didorong oleh permintaan.

"Kedua, gaji perkhidmatan awam mungkin dinaikkan lebih 13 peratus mulai Disember dan ketiga, rasionalisasi subsidi bahan api yang mungkin dilaksanakan pada 2025 atau lebih awal, menambah risiko kenaikan," katanya.

HARIAN METRO
08 MAY 2024
Tarikh

Bisnes



PERTUMBUHAN ekonomi dijangka lebih positif dengan suntikan perbelanjaan kerajaan RM10 bilion untuk kenaikan gaji.

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri

kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suntikan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM10 bilion bagi kenaikan gaji penjawat awam bakal membantu menjana pertumbuhan dan memberi impak positif kepada pemulihan ekonomi.

Ketua Ekonomi Buruh di Kementerian Sumber Manusia dan Emiratisasi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Dr Mohd Yusof Saari berkata, beliau menyambut baik keputusan kerajaan untuk meningkatkan gaji penjawat awam sebanyak 13 peratus pada Disember 2024.

Katanya, suntikan RM10 bilion ini dilihat akan membantu menjana pertumbuhan ekonomi melalui perbelanjaan tambahan isi rumah apabila berlaku peningkatan gaji.

KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM

BERI IMPAK PEMULIHAN EKONOMI

"Mengikut pengiraan kasar pengganda ekonomi, setiap RM1 perbelanjaan akan menjana sekitar RM1.76 kepada output."

"Jadi, suntikan RM10 bilion ini akan menjana output tambahan sebanyak RM17.6 bilion, manakala keluaran dalam negara kasar (KDNK) meningkat sebanyak RM7.4 bilion dan kutipan cukai tambahan sebanyak RM110 juta."

"Impak sebenar kepada ekonomi bergantung juga

kepada struktur peningkatan gaji dan kecenderungan perbelanjaan isi rumah," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, manfaat lain yang bakal diperoleh penjawat awam adalah ia dapat membantu meringankan beban kos sara hidup mereka yang berpendapatan rendah dan ini seterusnya dapat meningkatkan kuasa beli mereka.

Namun, katanya transformasi kepada model

pembiayaan yang lebih mampan amat diperlukan. "Bagi penjawat awam, transformasi ini menjamin gaji dan upah yang progresif dan kebajikan lebih baik."

"Bagi kerajaan pula, transformasi ini akan mengurangkan beban kewangan kerajaan dengan produktiviti yang lebih tinggi."

"Justeru, banyak lagi penambahbaikan dan pembaruan yang diperlukan," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh: 08 MAY 2024

Penjawat awam direman kes terima suapan

Melaka: Seorang penjawat awam di sebuah institusi pendidikan di Melaka direman lima hari, mulai semalam bagi membantu siasatan kes menerima suapan berjumlah RM7,500 daripada beberapa kontraktor penyelenggaraan.

Perintah reman sehingga Sabtu ini terhadap lelaki berusia 41 itu dikeluarkan oleh Majistret Khairunnisak Hassni selepas dipohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menjalankan siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sumber berkata, suspek berusia 41 tahun itu adalah bekas pembantu operasi dan kini dipindahkan tempat kerja, disyaki menerima suapan bagi membantu mempercepat proses bayaran kerja-kerja yang dilakukan kontraktor penyelenggaraan berkenaan sekitar 2022.

Menurut sumber, suspek ditahan di Pejabat SPRM di sini, jam 2 petang kelmarin, bagi membantu siasatan yang sedang dijalankan sebelum dibawa ke Mahkamah Majistret Ayer Keroh di sini, pagi semalam.

BERITA HARIAN

Tarikh.....0.8 MAY 2024



Anwar pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

PM mahu penjawat awam pantas dan cekap laksana tugas

Anwar yakin sikap kakitangan mampu ubah landskap ekonomi ke arah lebih baik

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin peta dan landskap ekonomi Malaysia akan berubah ke arah lebih baik dan akan terus menjadi perhatian dunia dari segi pelaburan jika penjawat awam mengamalkan kecekapan dan melaksanakan tugas dengan pantas.

"Jadi, saudara tumpu ini dan saudara lihat, peta ekonomi, landskap ekonomi kita akan berubah dan saya yakin. Penjawat awam mesti tumpu perkara itu, yang lain, simpang-siur sepak te-rajang (politik), itu serah kepada saya dan kawan-kawan.

"Saudara tumpu (hal) ini kerana Malaysia ada keupayaan sekarang, bukan sahaja dari segi pertimbangan antarabangsa, tetapi harapan dari segi pelaburan," tegas Perdana Menteri ketika menyampaikan amanat pada Perhimpunan Warga Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Datuk Johan Mahmood Merican.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan

Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 di ibu negara adalah contoh terbaik Malaysia menjadi tarikan dunia kerana berjaya menarik minat lebih 1,000 pempamer dari lebih 60 negara.

"Sebab itu saya keras kadang-kadang dengan segelintir kecil penjawat awam yang menyimpang daripada semangat ini. Saya juga gesa masyarakat dan media berlaku adil, jangan umpamanya, sikap dan salah laku yang kecil itu menggambarkan disiplin seluruh penjawat awam," katanya.

Jamin pelarasan gaji

Mengenai pelarasan gaji, Anwar mengulangi jaminannya supaya penjawat awam tidak bimbang dengan keputusan seperti diumumkan baru-baru ini kerana kerajaan sudah melakukan kerja dasar dan tahu dari mana sumber kewangannya.

"Apabila kita umum, itu selepas kerja dasar dilakukan. Kita tahu dari mana kewangannya, kita tahu hasilnya berapa dan kita dapat lihat, umpamanya seperti (pelaburan) Microsoft, itu dimulakan tahun ini. Bila ACWA (syarikat Arab Saudi, ACWA Power) datang? Dalam dua minggu mereka datang.

"Bukan bermakna ini rencana tiga atau empat tahun. Jadi kalau ada usaha sebegini, kita yakin pendapatan negara akan bertambah, mutu khidmat penjawat awam akan lebih baik dan hasil kita akan bertambah," katanya sambil ulang membidas pembangkang yang memperlekehkan usaha kerajaan menaikkan gaji penjawat awam.

Tegas Perdana Menteri, pembangkang perlu diberi pemahaman yang betul mengenai pela-

rasan gaji supaya ia tidak mengelirukan penjawat awam.

"Kalau dia nak tahu, ada sesi. Biar Amir (Menteri Kewangan II) dan Johan (KSP) bagi kuliah kepada beberapa pemimpin pembangkang mengenai ekonomi dan bagaimana kita uruskan. Kalau tidak nanti dia bingung, bila bingung, dia cerca di khalayak dan orang keliru.

"Ketika mereka perintah, potong elaun dan suruh rakyat ikat perut. Jadi jangan perlekehkan usaha kita kerana saya tahu sukar. Saya merenung berbulan-bulan, mesyuarat berpuluh kali," katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, beliau akan membentangkan mengenai penggunaan digital dan kecerdasan buatan (AI) dalam perkhidmatan kerajaan pada mesyuarat Kabinet hari ini, selari komitmen yang sudah dipersetujui secara dasar dan secara tidak langsung memudahkan pelabur datang ke Malaysia.

Komitmen sama juga diminta oleh pelabur di negara dilawannya sebelum ini dan Anwar berkata, syarikat terbabit mahukan kepastian itu selepas berbincang dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) serta Kementerian berkaitan perihalan tenaga.

"Mereka mahu beberapa kepastian daripada saya mengenai *third party access*, soal macam Microsoft, *cloud computing*. Semua hal itu, bila dapat, saya beri penjelasan, kemudian kemungkinan perubahan dari segi digital dalam AI dalam kerajaan. Saya kata, itu komitmen kita, kita sudah setuju pada dasar," katanya.

Keputusan naik gaji penjawat awam ambil kira kesan ekonomi

- Kenaikan gaji penjawat awam beri kesan positif dalam ekonomi, merangsang pertumbuhan sektor swasta dan membantu pemulihan ekonomi secara keseluruhan

- Keyakinan pelabur turut meningkat dengan melihatnya sebagai tanda positif pertumbuhan ekonomi, mendorong mereka melabur dalam projek baharu atau memperluas perniagaan mereka



Pensyarah Kanan,
Fakulti Pengurusan
Industri, Universiti
Malaysia Pahang
Al-Sultan Abdullah

Oleh Dr Mohamad Reezuan Mustapha
bhrencana@bh.com.my

Kenaikan gaji penjawat awam menjadi topik hangat apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan gaji lebih 13 peratus membolehkan peruntukan melebihi RM10 bilion bermula Disember tahun ini, pada 1 Mei lalu.

Selain itu, kenaikan itu boleh mencecah sehingga 40 peratus bagi memastikan jumlah pendapatan minimum penjawat awam melebihi RM2,000 sebulan.

Keputusan ini adalah respons terhadap keperluan bagi meningkatkan taraf kehidupan rakyat serta daya saing bagi menjamin pertumbuhan ekonomi negara lebih inklusif, kukuh serta mampan.

Pengumuman kenaikan gaji melebihi 13 peratus ini adalah kenaikan terbaik dalam sejarah oleh kerajaan, bukan sekadar memberikan khabar gembira kepada penjawat awam, tetapi mencerminkan komitmen kerajaan menangani isu ketidakseimbangan ekonomi dan mengekalkan kuasa beli masyarakat serta akan merangsang permintaan barang dan perkhidmatan.

Ini memberikan kesan positif dalam ekonomi, secara tidak langsung merangsang pertumbuhan sektor swasta dan membantu pemulihan ekonomi secara keseluruhan.

Namun, langkah kerajaan meningkatkan ganjaran penjawat awam menimbulkan pelbagai reaksi, dengan beberapa pihak menyokongnya sebagai peningkatan keadilan dan kesejahteraan, manakala ada pihak berpandangan ia boleh memberi kesan terhadap ekonomi negara secara keseluruhan.

Antara spekulasi sering timbul adalah bagaimana kenaikan gaji penjawat awam mungkin merangsang pertumbuhan dalam sektor swasta. Salah satu hujah utama sering dikemukakan adalah dengan kenaikan gaji penjawat awam, akan terdapat peningkatan dalam kuasa beli mereka.

Penjawat awam yang menerima gaji lebih tinggi, cenderung membelanjakan lebih banyak wang terutama dalam pembelian barangan dan perkhidmatan daripada swasta. Ini membantu merangsang permintaan dalam ekonomi dan memberi dorongan kepada perniagaan dalam sektor swasta.

Di samping itu, kenaikan gaji penjawat awam menyebabkan persaingan lebih baik bagi bakat dalam pasaran kerja. Kenaikan gaji minimum akan menarik bakat baharu ke dalam perkhidmatan awam serta mengekalkan pekerja berkualiti tinggi.

Dengan meningkatnya gaji, penjawat awam berasa dihargai dan terangsang meningkatkan produktiviti kerja. Kesejahteraan pekerja secara langsung mempengaruhi prestasi, meningkatkan kepercayaan dan kualiti kerja.

Peningkatan ganjaran dan faedah dalam perkhidmatan memberi dorongan kepada swasta menawarkan ganjaran lebih baik dan kelebihan untuk menarik pekerja berkualiti. Ini menyumbang peningkatan keseluruhan dalam produktiviti dan inovasi dalam ekonomi.

Selain itu, kenaikan gaji penjawat awam mungkin menyebabkan persaingan lebih sukar bagi swasta untuk menarik bakat berkualiti. Jika

penjawat awam mendapat ganjaran lebih baik, mereka mungkin cenderung untuk tetap dalam perkhidmatan awam dan meninggalkan syarikat swasta.

Namun, sebagai negara mencapai keseimbangan dalam pentadbiran kerajaan dengan kadar pertumbuhan penduduk sekitar 2 peratus, peluang untuk bekerja di sektor awam adalah terhad. Kebanyakan pengambilan pekerja berlaku jika terdapat kekosongan jawatan terutama bagi menggantikan pekerja bersara dan berhenti menyertai sektor swasta.

Tidak boleh dinafikan, kenaikan gaji penjawat awam meningkatkan keyakinan pelabur. Pelabur cenderung melihat kenaikan gaji sebagai tanda positif pertumbuhan ekonomi, mendorong mereka melabur dalam projek baharu atau memperluas perniagaan mereka.

Bagaimanapun, terdapat pandangan berbeza menyatakan kenaikan gaji penjawat awam boleh memberi tekanan kepada ekonomi negara. Peningkatan dalam kos operasi bagi kerajaan untuk menampung kenaikan gaji boleh mengakibatkan keperluan memperoleh lebih banyak pendapatan melalui cukai atau pemotongan belanja daripada pelbagai sektor, boleh menyebabkan kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi.

Langkah progresif bangun kelestarian ekonomi

Apa yang penting, keputusan menaikkan gaji penjawat awam adalah langkah progresif diambil kerajaan untuk membangun kelestarian ekonomi negara.

Langkah ini bukan sekadar meningkatkan pertumbuhan ekonomi, tetapi taraf hidup penjawat awam dan membantu mengurangkan tekanan kewangan dialami penjawat awam, terutama dalam konteks kenaikan kos sara hidup.

Walaupun kenaikan gaji penjawat awam dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi, ia juga mempunyai kesan terhadap inflasi. Jika peningkatan gaji ini tidak disokong peningkatan produktiviti sepadan.

Dalam hal ini, penjawat awam, dengan segala peranan dan tanggungjawab mereka, diiktiraf sebagai tulang belakang kerajaan dalam memberikan dan menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

Namun, pandangan terhadap peranan mereka berubah seiring dengan perubahan landskap sosio-ekonomi dan teknologi. Kini, penjawat awam bukan

sahaja dianggap sebagai pengurusan pentadbiran, tetapi juga aset berharga negara dalam usaha memacu pertumbuhan dan pembangunan.

Salah satu aspek utama memperlihatkan penjawat awam sebagai aset negara adalah kepelbagaian kemahiran mereka miliki. Pada era globalisasi dan digitalisasi, kemahiran seperti kecekapan teknologi maklumat, kemahiran komunikasi antarabangsa dan kepimpinan berinovasi menjadi semakin penting.

Penjawat awam dilengkapi dengan kemahiran ini mampu menjadikan negara lebih bersaing pada peringkat global. Selain itu, peranan penjawat awam kini semakin meluas, tidak terbatas kepada sekadar menjalankan tugas hakiki mereka.

Mereka sering berperanan sebagai ejen perubahan dalam masyarakat, menjalankan program pembangunan dan menyediakan perkhidmatan bermakna kepada rakyat. Kreativiti dan kecekapan mereka menangani cabaran semasa seperti perubahan iklim, kesenian digital dan krisis kesihatan, menunjukkan nilai tambah mereka pada negara.

Aspek kejujuran dan integriti adalah ciri penting pada penjawat awam. Dalam memastikan akauntabiliti dan kepercayaan awam terpelihara, mereka perlu sentiasa menunjukkan standard tinggi dalam amalan tugas mereka.

Bagaimanapun, bagi memastikan penjawat awam terus menjadi aset berharga, penting bagi kerajaan memberikan sokongan mencukupi dalam pembangunan dan penyempurnaan kemahiran mereka seperti peluang untuk latihan dan pendidikan berterusan, sistem ganjaran adil serta persekitaran kerja membolehkan kreativiti dan inovasi berkembang.

Bagi meningkatkan golongan pekerja berkemahiran dalam sektor awam, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di rangkaian institusi teknikal kepada penjawat awam perlu dilihat sebagai platform terbaik bagi meningkatkan kemahiran mereka.

Apatah lagi pada era teknologi kecerdasan buatan (AI), permintaan dan peluang pekerjaan untuk pekerja tidak mahir dijangka berkurangan, sementara permintaan bagi pekerja mahir akan meningkat dengan ketara.

Berbekalan kemahiran pelbagai, peranan meluas dan integriti tinggi, mereka berpotensi membawa negara ke arah keunggulan dalam arena global.



PM LAUNCHES NATIONAL ANTI-GRAFT STRATEGY

Anwar says bold leaders needed as scourge must not be taken lightly

HANA NAZ HARUN
PUTRAJAYA
hana.harun@nst.com.my

THE country needs powerful, dedicated and courageous leaders to combat graft as the scourge of corruption must not be taken lightly, said Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"You need strong legislation and laws to protect. And, more profoundly, you need clear political will and direction," he said.

The prime minister said this at the launch of the National Anti-Corruption Strategy (NACS) 2024-2028.

NACS 2024-2028 emphasises the effectiveness of anti-graft efforts to improve governance and integrity in public service administration.

It outlines five core strategies in efforts to prevent corrupt practices in the country and is a continuation from the National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023.

Present were Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof, Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali, and Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) chief commissioner Tan Sri Azam Baki.

Anwar said the issue of corruption could not be viewed lightly, adding that apart from the MACC, other enforcement agencies must also play their part in combating graft.

In fact, he said, the nation as a whole must take part in the fight against corruption.

"When we launch this agenda, the pillar is still MACC. But it also involves other agencies, such as the Inland Revenue Board, the police, Immigration Department and Customs Department, and other agencies as well, to ensure that this country moves forward and is more determined to fight corruption.

"I have confidence in Azam (MACC chief) and the MACC fam-

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri

7 MEI 2024 (SELASA)

T KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)



MALAYSIA
MADANI

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim at the launch of the National Anti-Corruption Strategy 2024-2028 in Putrajaya yesterday. Anwar says clear political will is crucial to tackling corruption. BERNAMA PIC

ily, who have been given the trust and support. Regardless of rank and position, they fight corruption so that the people get a clear message.

"This (corruption) cannot happen. We cannot allow civil servants and the authorities to feel that they have the right to amass wealth and carry out their administration based on the laws of the jungle," he added.

Anwar, who is also finance minister, said Malaysia's second prime minister, the late Tun Abdul Razak Hussein, had warned about the dangers of corruption in the 1960s.

Corruption, he said, was among the "three Cs" faced by the nation at the time.

"They (the three Cs) were communism, communalism and corruption.

"Imagine, in 1961, 1962, Razak had already warned us. There were already leaders mired in corruption who had forgotten about the pain, blood, sweat and tears of those before them who had struggled."

The prime minister also said he was shocked to hear that the country lost billions a year due to leakages and corruption.

"(We can) eradicate poverty, build schools, hospitals, champion for the plight of the fishermen, farmers... everything can be solved if we can save this country from greed," he said.

The five key strategies outlined in the NACS are education, public accountability, voice, enforcement and incentives, with 60 sub-strategies to be implemented over five years.

It encompasses politicians, public administration, government procurement, law enforcement, legal and judicial institutions, the private sector and the public.

On Sunday, Azam said NACS was a government effort to develop a national strategy to combat corruption in line with Article 5 of the United Nations Convention Against Corruption.

Article 5 mandates that UN member nations must produce a document that would be the primary reference for anti-corruption initiatives at the national level.

Azam said NACP, which ended last year, was identified as one of the factors which had indirectly aided in the country's success in repairing its reputation in terms of the Corruption Perception Index ranking in 2019, where Malaysia climbed to the 51st spot from 61st in 2018.

Due to this factor, he added, NACS was developed with an emphasis on the five main strategies.

Azam said to ensure the success of NACS, a comprehensive monitoring mechanism would be established by MACC's National Governance Planning Division.

Monitoring and evaluation reports on NACS, he said, would be presented at the National Governance Special Cabinet Committee meeting chaired by the prime minister for endorsement before submission to the cabinet and Parliament.

Page 1 pic: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim arriving at the launch of the National Anti-Corruption Strategy 2024-2028 yesterday. With him are Malaysian Anti-Corruption Commission chief commissioner Tan Sri Azam Baki (right), Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof (left) and Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (second from left).

National Anti-Corruption Strategies launched

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim launched the National Anti-Corruption Strategies (NACS) 2024-2028, which aims to prevent corruption and improve governance and integrity in public service administration and government-linked companies.

NACS 2024-2028, which replaces the National Anti-Corruption Plan 2019-2023, is an important component of Malaysia's reform agenda that outlines core strategies to combat corruption in Malaysia.

Anwar said in his speech that the issue of corruption should not be taken lightly and all parties, including the public, should play a role in addressing it.

"When we launch this (NACS) agenda, of course, the pillar is still the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), but it also involves the Inland Revenue Board, police force, Immigration Department, Customs and other agencies that need to ensure that this country will not repeat past

Issue of graft should not be taken lightly and all parties, including public, should help address problem: Anwar

mistakes, but rather be more determined to fight corruption.

"I have confidence in the MACC and Azam (MACC chief commissioner Tan Sri Azam Baki) who have been given the trust, mandate and support to fight corruption, regardless of rank and status so that the people get a clear message."

He said although there are parties attempting to thwart MACC's efforts to take action against those suspected of corruption and similar offences, it is the responsibility of all, including the younger generation, to save the country and safeguard the people.

"The issues of poverty eradication, dilapidated schools, hospitals and public facilities, as

well as the fate of fishermen, rubber smallholders and padi farmers - we can solve almost everything if we can save the country from uncontrolled greed and abuse of power and position."

He said a very powerful, committed, dedicated, courageous force and strong legislation are needed to fight graft.

Anwar said he believes that the majority of the people hate corruption but there is no denying that there are still a few who defend the abuse of power and corruption because the individuals involved are from influential and high-ranking groups, Bernama reported.

"This fight (against corruption) can be ugly. That's why it requires commitment, determination and

sincerity to save the country."

NACS encompasses five strategies involving education, public accountability, people's voice, enforcement and incentives.

Anwar said under the education strategy, children in schools and the people must be given education and training to be aware of the dangers of corruption.

"Under the public accountability strategy, this shall not be shouldered by MACC or the Cabinet alone, this is our business."

He said as for the people's voice strategy, it could shape government policies and provide the support needed by implementing officers.

Anwar said under the enforcement strategy, enforcement officers need to be bold, brave and efficient in performing their duties.

He said under the incentive strategy, there should be rewards for either officers, civil servants or the public who cooperate in ensuring the success of the efforts (to combat corruption).

THE SUN
08 MAY 2024

Efficiency of civil servants vital for economic growth, says PM

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has expressed confidence that the nation's economic landscape will significantly improve if civil servants are efficient and swift in carrying out their duties.

Anwar, who is also the finance minister, said if civil servants adhere to these aspects in their daily tasks, Malaysia would attract global attention in terms of investments.

"So, focus on this aspect, and you'll see that our economic landscape will change, and I wholeheartedly believe in it. Leave the rest (politics) to me and my colleagues," he said in his speech at the Finance Ministry's monthly assembly yesterday.

Regarding civil servants who are not serious and committed in carrying out their daily tasks, Anwar said strict action would be taken against them.

"That's why I am sometimes stern with a small group of civil servants who deviate from this spirit. I always urge for fairness from society and the media. Do not let the behaviour and misconduct of this minority reflect the discipline and spirit of civil servants as a whole."

Anwar said foreign nations'

confidence in Malaysia is evident through their participation in the Defence Services Asia (DSA) and National Security (Natsec) Asia 2024 exhibitions.

In total, the DSA and Natsec Asia 2024 exhibitions saw participation from 1,324 companies representing 60 countries, with 34 countries having their own pavilions, including Türkiye, China, the United Arab Emirates, Italy and the United States.

"This is rarely seen in exhibitions organised by developing countries like Malaysia."

On Monday, Anwar officially opened the DSA and Natsec Asia 2024 exhibitions held at the Malaysia International Trade and Exhibition Centre in Kuala Lumpur.

Anwar said Malaysia has also received investments from Microsoft, Amazon Web Services (AWS) and ACWA Power (ACWA).

Microsoft recently announced an RM10.5 billion investment over the next four years, while AWS is set to invest RM25.5 billion in Malaysia, and ACWA Power will invest RM47.4 billion over the next decade.

He said foreign investments, which



Visitors to the Defence Services Asia and National Security Asia exhibitions in Kuala Lumpur yesterday getting a feel of some of the guns displayed.
- AMIRUL SYAFIQ / THE SUN

would boost the country's revenue, were taken into account when deciding on civil servants' salary increases.

"Some argue it's not a rational

economic policy - how can you spend more for your civil servants and then you want to reduce debt? I think it's about how we manage our economy and the expertise here."

On May 1, Anwar announced a salary hike of more than 13% for civil servants effective this December, involving an allocation of over RM10 billion. - Bernama

THE SUN
Tarikh: 08 MAY 2024

RM277b lost over five years due to corruption

PUTRAJAYA: The Malaysian Anti-Corruption Commission has revealed the nation incurred losses totalling RM277 billion as a result of corruption over the past five years.

Its chief commissioner Tan Sri Azam Baki said the losses were calculated based on the cumulative estimate of the gross domestic product over the five-year period from 2018 until last year.

"The substantial amount could have been utilised to help the people in various ways, particularly in executing social projects such as hospital and school repairs. Regrettably, these funds have been depleted due to corrupt practices," he said during his speech

at the launch of the National Anti-Corruption Strategies (NACS) 2024-2028 at the Putrajaya International Convention Centre yesterday.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim officiated at the ceremony and deputy prime ministers Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi and Datuk Seri Fadillah Yusof as well as Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali were also in attendance.

Azam said to ensure the strategies have a significant impact, NACS will be using various approaches to identify areas in the country that are vulnerable to corruption risks.

He said NACS outlines a strategy that

focuses on enhancing integrity, transparency and accountability across various sectors, including politics, public administration, government procurement, law enforcement, legal and judicial institutions, private sectors and the public.

"It comprises five main strategies and 60 sub-strategies that will be implemented over a five-year period, starting from this year until 2028.

"Hopefully, NACS will serve as a catalyst to strengthen good governance in the country, aiming to prevent and combat corruption. This is to ensure an integrated and corruption-free nation." - Bernama

THE SUN

Tarikh: D. 8 MAY 2024